

KOSMO

8/4/17

MLS 2

Kerajaan tidak mampu lagi anjur sukan permotoran bertaraf dunia di Litar Sepang

# Perlumbaan F1 tamat tahun depan

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan memutuskan untuk menamatkan perlumbaan Formula Satu (F1) di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dekat sini bermula tahun depan berikutan kos penganjuran yang sangat tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pada peringkat awal, perlumbaan itu berjaya meletakkan Malaysia sebagai destinasi bagi acara sukan permotoran bertaraf dunia selain mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan terpaksa menilai semula penganjuran F1 dengan mengambil kira perubahan yang berlaku sejak perlumbaan itu bermula



NAJIB

pada tahun 1999 di Sepang.

“Keputusan dibuat setelah mengambil kira laporan dan pandangan daripada SIC mengenai impak kewangan acara F1 ini kepada semua pihak yang berkepentingan.

“Kerajaan terpaksa menanggung kos penganjuran yang sangat tinggi setiap tahun.

“Namun pulangan daripada penganjuran perlumbaan ini semakin berkurangan dari segi kehadiran penonton, penganjuran dan jumlah kedatangan pelancong asing semasa perlumbaan berlangsung sejak beberapa tahun lalu,” katanya menerusi blognya, *Najibrazak.com* semalam.

Pada 21 November 2016, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, kerajaan perlu membelanjakan sehingga RM300 juta setahun bagi menganjurkan perlumbaan F1 namun nilai pulangan untuk perlumbaan itu kurang memuaskan.

Pada Januari lalu, syarikat media dari Amerika Syarikat, Liberty Media membeli saham perlumbaan F1 daripada sebuah kumpulan diketuai syarikat CVC Capital Partners pada harga AS\$8 bilion (RM35.5 bilion).



PERLUMBAAN F1 yang berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang sejak 1999 akan berakhir pada tahun depan.



BILANGAN penonton yang semakin berkurangan menjadi antara punca perlumbaan F1 di Litar Antarabangsa Sepang ditamatkan.



**KERATAN Kosmo!**  
25 Oktober 2016.

Menurutnya, kini sebanyak 21 buah negara termasuk enam dari Asia yang menjadi tuan rumah F1 sekali gus mengakibatkan penurunan pulangan kepada penganjur dan negara.

“Penamatan penganjuran ini akan membolehkan kerajaan meningkatkan pembiayaan dalam sukan permotoran bagi pembangunan bakat, infrastruktur, pemindahan kemahiran dan pengetahuan.

“Kerajaan juga akan menggunakan peruntukan yang ada bagi kegunaan

Najib berkata, pada awal penganjuran F1 tahun 1999, hanya terdapat 16 buah negara yang menjadi tuan rumah kepada perlumbaan berprestij itu termasuk dua negara Asia.

perlumbaan lain seperti MotoGP dan Go-kart, membina litar perlumbaan khas di Sungai Petani, Kedah menaik taraf kemudahan di SIC selain membantu pemandu profesional negara menjadi pemandu F1,” jelasnya.

Najib berkata, Litar Antarabangsa Sepang akan menjadi tuan rumah kepada acara sukan permotoran utama seperti MotoGP dan banyak lagi perlumbaan bertaraf nasional, serantau dan antarabangsa yang akan menarik pengunjung ke Malaysia.

Namun, katanya, Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) akan meneruskan penajaan ke atas pasukan Mercedes AMG Petronas dalam perlumbaan F1 sebagai strategi pemasaran syarikat berkenaan.